

MAHATHIR-PERDAGANGAN  
(E)

1983

SHAH ALAM, 13 NOV. (BERNAMA)-- PERDANA MENENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN MALAYSIA BOLEH BERJAYA DALAM BIDANG PERDAGANGAN AM JIKA USAHA DAN AZAM DIAMALKAN SEPERTI DALAM PENGELUARAN BARANGAN.

BELIAU BERKATA NEGARA INI TIDAK HARUS SEKADAR MENJADI PEMBEKAL SUMBER-SUMBER ASLI SAHAJA TETAPI HENDAKLAM JUGA MENGAMBIL BAHAGIAN YANG LEBIH BERMAKNA DALAM PERDAGANGAN DUNIA SEBAGAI PEMASAR.

INI IALAH KERANA KEPAKARAN TIDAK MENJADI HAK MUTLAK MANA-MANA NEGARA, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASHIKAN PELANCARAN PERBADANAN PERDAGANGAN PELBAGAI NEGARA MALAYSIA (MATTRA) BERHAD DI SINI.

MATTRA, DENGAN MODAL YANG DIBENARKAN SEBANYAK \$250 JUTA, MERUPAKAN USAHASAMA ANTARA UNITED MOTOR WORKS (MALAYSIA) HOLDINGS BERHAD, KUMPULAN FIMA BERHAD DAN PALMCO HOLDINGS BERHAD. --LAGI 1705/MD MAHATHIR - PERDAGANGAN 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA INI KINI MEMPUYAI BARANG-BARANG YANG HENDAK DIPASARKAN TETAPI KEKURANGAN PEMASAR UNTUK MENYEDIAKAN BAHAGIAN BESAR PERKHIDMATAN PEMASARAN YANG SEDANG DIJALANKAN OLEH RAKAN PEKONGSI PERDAGANGAN ASINGNYA.

+KAMI HARUS MENELITI PERANAN TERHAD KAMI DALAM PERDAGANGAN LANGSUNG ANTARABANGSA DAN MENJADI LEBIH DINAMIK DAN AGRESIF DALAM PENDEKATAN BARU KEPADA BIDANG PEMASARAN,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERDAGANGAN LANGSUNG ANTARABANGSA BUKANLAH SESUATU YANG BARU DI MALAYSIA TETAPI HASRAT TULEN UNTUK MENGADAKAN PERATURAN YANG KENYERUPAI +SOGOSHOSHA+ DI JEPUN AKAN MEWUJUDKAN CIRI BARU.

KATANYA SEDANG LEBIH BANYAK PELUANG WUJUD, BELIAU INGIN MELIHAT LEBIH BANYAK SYARIKAT MALAYSIA BERGABUNG TEMAGA MEMPASTIKAN KEBERKESANAN DAN KEJAYAAN GEDUNG-GEDUANG PERDAGANGAN MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMASUKAN MATTRA DAN LAIN-LAIN SYARIKAT PERDAGANGAN TEMPATAN HARUSLAH DILIHAT DENGAN POSITIF DAN SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA PATUT MEMBERI SOKONGAN SEPENUHNYA. --LAGI

MAHATHIR-PERDAGANGAN 3 SHAH ALAM

SEBARANG KEBIMBANGAN BAHAWA PENUBUHANNYA AKAN MENYEBABKAN PERUBAHAN SUSUNAN PADA CORAK PERDAGANGAN MALAYSIA TIDAK HARUS BANGKIT KERANA PEMBANGUNAN GEDUNG-GEDUNG PERDAGANGAN AM TEMPATAN AKAN MENGAMBIL MASA UNTUK MENCAPAI KEMATANGAN, TAMBAHNYA.

MENGENAI MATTRA, BELIAU BERKATA PENGLIBATAN KUMPULAN FIMA YANG MENJADI MILIK KERAJAAN DENGAN UMW DAN PALMCO, DUA BUAH SYARIKAT YANG DISENARAIKAN DI PASARAN SAHAM, MENUNJUKKAN SOKONGAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH DARIPADA SEKTOR SWASTA KEPADA KONSEP-KONSEP BARU KERAJAAN IAITU +PERSYARIKATAN MALAYSIA,+ +PENGSWASTAAN,+ DAN PANDANGAN BARU DALAM PERDAGANGAN EKSPORT.

KEPELBAGAIAN KEGIATAN PARA PEMEGANG SAHAM MATTRA, KATANYA, AKAN MENJADI ASAS YANG BERMAKNA BAGI MATTRA MENCEBURI PERDAGANGAN ANTARABANGSA SECARA AGRESIF.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN BELIAU MENYARANKAN PEMERBADANAN GEDUNG-GEDUNG PERDAGANGAN ALA JEPUN, BELIAU BERPENDAPAT BENTUK MUKTAMAD GEDUNG PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT JENIS DI JEPUN SEBULAT-BULATNYA TIDAK AKAN BERLAKU TETAPI AKAN MEMPUYAI IDENTITI SENDIRI BAGI MENCERMINKAN KEPERLUAN DAN KEHENDAK MALAYSIA.

-- LAGI 1845/ZI

MAHATHIR-PERDAGANGAN 4 SHAH ALAM

KATANYA: +ADALAH DIAKUI SOGOSHOSHA JEPUN MASAKINI TELAH MELALUI PROSES UBAHANSUR SEJAK BEGITU LAMA SEBELUM KESAN MEREKA DIRASAI DALAM PERDAGANGAN DUNIA.

+OLEH DEMIKIAN, ORANG MALAYSIA JUGA HENDAKLAH BERSABAR MENUNGGU SYARIKAT PERDAGANGAN TEMPATAN MENCAPAI PRESTASI YANG BOLEH DIBANGGAKAN.+

MENGENAI KETAHANAN EKONOMI MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA IA TERBUKTI DENGAN PERTUMBUHAN SEDERHANA YANG DICAPAI TAHUN INI WALAUPUN KEMELESETAN BERLAKU DI SELURUH DUNIA.

PRESTASI YANG LEBIH BAIK TELAH DIRAMALKAN BAGI TAHUN 1984 DAN 1985, TAMBAHNYA.

JUMLAH PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN SELURUH DUNIA DIJANGKA BERADA PADA TAHAP \$62,900 JUTA TAHUN INI DAN INI MERUPAKAN 10.2 PERATUS LEBIH TINGGI DARIPADA ANGKA TAHUN LALU. -- LAGI 1849/ZI

ZCZC 8633:

MAHATHIR-PERDAGANGAN 5 SHAH ALAM

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENAMBAHKAN JUMLAH DAN NILAI PERDAGANGAN SEMATA-MATA TIDAK BERMAKNA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI MASALAH EKONOMI.

BELIAU BERKATA KELEMAHAN INDUSTRI PERKHIDMATAN MALAYSIA DALAM PERDAGANGAN DUNIA TELAH MENYEBABKAN IMBANG PEMBAYARAN YANG MERUGIKAN DAN INI DIJANGKA MENCAPAI \$7,200 JUTA TAHUN INI AKIBAT KENAIKAN BAYARAN PENGANGKUTAN DAN INSURANS DAN JUGA BERTAMBAHNYA PENGALIRAN KELUAR PENDAPATAN PELABURAN.

PERDANA MENTERI BERKATA INI MENUNJUKKAN JIKA NEGARA TIDAK MENINGGIKAN MUTU DAN MEMPERLUASKAN PENGLIBATKANNYA DALAM PERDAGANGAN DUNIA, +KITA TIDAK AKAN DAPAT MEMPEROLEHI SEBAHAGIAN BESAR PENDAPATAN YANG DIHASILKAN DARIPADA PEMASARAN.+ -- BERNAMA 1853/ZI